

# Kerancuan Bahasa Dalam Filem Kl Gangster: Suatu Analisis Linguistik Berdasarkan Tahap 4 Kemahiran Bertutur Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM)

Faridah Nazir, Norazian Jaafar, Nur Aina Farhana Abd Halim,  
Nur 'Alyaa Zulkifli, Nur Farhana Yasmin Abd Halim

**Abstrak** – Kajian ini dilaksanakan bagi menyelidiki kerancuan bahasa Melayu yang terdapat dalam filem KL Gangster berdasarkan Tahap 4 kemahiran bertutur Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM). Pelaksanaan kajian ini bertujuan bagi mengenal pasti penggunaan kosa kata dan ragam ayat dalam filem KL Gangster dan menganalisis penggunaan ayat aktif dan pasif dengan fasih dan spontan yang terdapat dalam filem KL Gangster. Oleh hal yang demikian, kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian secara menonton filem KL Gangster, memasukkan data ke dalam senarai semak dan mencatat data-data yang diperolehi serta mengkategorikan data tersebut mengikut jenis menurut teori kerancuan bahasa Melayu yang dipelopori oleh Teo Kok Seong (2006). Bagi mencapai objektif kedua, pengkaji menganalisis penggunaan ayat aktif dan pasif dengan fasih dan spontan yang telah diungkapkan oleh penutur sehingga mengakibatkan kerancuan bahasa Melayu berlaku dalam filem KL Gangster. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat kerancuan bahasa yang disebabkan oleh penggunaan bahasa yang tidak standard dalam filem KL Gangster. Kerancuan bahasa boleh merosakkan bahasa Melayu kerana setiap penggunaan bahasa Melayu telah dicampuradukkan dengan bahasa lain sehingga mencemarkan kemurnian bahasa Melayu itu sendiri. Namun, pengkaji turut berpendapat bahawa kerancuan bahasa perlu ada dalam pembuatan filem yang bergenre aksi ini supaya lebih menarik minat penonton.

**Kata Kunci**- Kerancuan bahasa; Tahap 4 kemahiran bertutur; KSBM; Ayat aktif dan pasif; bergenre aksi.

## I. PENDAHULUAN

Bahasa merupakan medium komunikasi bagi mengungkapkan idea dan juga menyampaikan sesuatu. Malah, bahasa juga berperanan sebagai suatu bentuk wahana penyatuan. Bahasa Melayu Riau dan Indonesia merupakan bahasa piawai, seperti yang telah dipersetujui oleh Indonesia, Malaysia, dan Brunei. Bahasa Melayu Riau dianggap permulaan kelahiran bahasa Melayu. Perkara 152 dalam Perlembagaan Negara/Malaysia dan Akta Bahasa Kebangsaan 1967 telah termaktub bahawa bahasa Melayu ialah bahasa negara atau lebih mudah untuk disebut sebagai bahasa kebangsaan negara Malaysia dan bahasa rasmi negara. Bukan itu sahaja, Undang-undang Pendidikan Kebangsaan dari Akta Pelajaran 1957 hingga ke Akta Pendidikan 1996 telah menyebutkan mengenai perihal bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Bahasa Melayu piawai yang disebutkan di atas wajib mengikut saranan dan ketepatan yang telah ditentukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Namun begitu, bahasa Melayu yang digunakan oleh masyarakat Malaysia sejak berdekad lalu telah hilang kepawaiannya. Pengguna bahasa Melayu telah mula

menggunakan bahasa Melayu secara bercampur aduk. Percampuran bahasa yang digunakan dalam bahasa Melayu dipengaruhi oleh beberapa aspek seperti bahasa ibunda, penguasaan bahasa Inggeris yang lebih baik daripada bahasa Melayu, dan juga kewujudan fenomena bahasa slanga. Penggunaan bahasa yang bercampur aduk dalam bahasa Melayu inilah yang mewujudkan istilah kerancuan bahasa.

Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) telah memberikan makna tidak teratur, campur aduk dalam penggunaan bahasa, dan juga kekeliruan bagi perkataan “rancu”. Takrifan lain bagi perkataan kerancuan ialah keadaan rancu iaitu tidak teratur, dan kekacauan yang berkait dengan penggunaan bahasa yang tidak betul. Nik Safiah Karim (1986) pula berpendapat pencemaran bahasa ialah penggunaan bahasa yang melanggar peraturan-peraturan bahasa yang telah dipersetujui sama ada pada peringkat sebutan, pilihan kata mahupun susunan frasa atau ayat. Berdasarkan pendapat-pendapat yang diberikan dapatlah disimpulkan bahawa kerancuan bahasa melibatkan kekacauan penggunaan bahasa akibat daripada kekeliruan oleh pengguna bahasa itu sendiri. Kerancuan yang sering berlaku termasuklah kerancuan daripada aspek sebutan, ejaan, peristilahan, pemilihan kosa kata, tatabahasa dan juga laras bahasa.

## II. PERNYATAAN MASALAH

Dalam aspek penggunaan bahasa dalam bertutur, tidak disangkal lagi penggunaan kerancuan bahasa berlaku oleh sebab pengaruh daripada bahasa luar (bahasa asing, dialek daerah, mahupun slanga). Kajian ini bertumpu kepada kerancuan bahasa Melayu yang terdapat dalam filem aksi “KL Gangster” hasil arahan daripada Syamsul Yusof. Masyarakat Malaysia yang berbilang kaum juga dilihat sering menggunakan bahasa Melayu yang rancu. Hal ini disebabkan oleh, masyarakat Malaysia meskipun menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama, namun mereka lebih mengutamakan bahasa ibunda masing-masing. Hal tersebut terjadi dilihat sebagai suatu bentuk kekurangan pengetahuan mengenai percampuran dan penukaran kod yang menyebabkan penggunaan kerancuan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian mereka terjadi. Kenyataan Sultan Perak dalam akhbar Berita Harian yang diterbitkan pada 5 Oktober 2016 menyebutkan dasar

Faridah Nazir, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, ([fidafn@iiu.edu.my](mailto:fidafn@iiu.edu.my))

Norazian Jaafar, Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar ([azianjaafar790@gmail.com](mailto:azianjaafar790@gmail.com))

Nur Aina Farhana Abd Halim, Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar ([nurainahalim50@gmail.com](mailto:nurainahalim50@gmail.com))

Nur 'Alyaa Zulkifli, Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar ([alyaazulkifli95@gmail.com](mailto:alyaazulkifli95@gmail.com))  
Nur Farhana Yasmin Abd Halim, Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar ([frhnayasmin@gmail.com](mailto:frhnayasmin@gmail.com))

pengajaran Bahasa Inggeris harus digubal bagi melahirkan generasi yang menguasai dwibahasa untuk memperlihatkan generasi yang bersifat global.

Namun, penguasaan bahasa Melayu yang tepat haruslah lebih supaya dapat menjamin kedaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Hal tersebut memperlihatkan masyarakat yang berbahasa Melayu boleh menguasai bahasa lain juga namun bahasa Melayu haruslah menjadi keutamaan bagi memartabatkan bahasa Melayu. Penguasaan bahasa ibunda masing-masing adalah penting, namun penguasaan lebih daripada satu bahasa tersebut boleh mengakibatkan berlakunya kerancuan bahasa. Maka, pengguna bahasa Melayu diharapkan untuk menggunakan bahasa Melayu yang tepat dan mengikut peraturan bahasanya bagi memastikan bahasa Melayu tidak tenggelam akibat daripada penggunaan kerancuan bahasa.

Hal sedemikian berkait juga dengan normalisasi penggunaan bahasa Melayu yang rancu juga cenderung untuk menyebabkan gejala tersebut untuk terus berlaku dengan lebih dahsyat lagi. Apabila penggunaan bahasa Melayu yang rancu dianggap sebagai satu kebiasaan, maka pembentukan negara bangsa melalui kedaulatan bahasa kebangsaan akan dilihat gagal. Kegagalan untuk mendaulatkan bahasa kebangsaan secara tidak langsung akan memperlihatkan kedudukan masyarakat yang menggunakan bahasa Melayu sebagai masyarakat yang lemah dari aspek penguasaan bahasa. Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang telah dirangka pada tahun 1971 telah meletakkan matlamat untuk menjadikan filem sebagai salah satu aspek yang mempunyai peranan penting dalam membentuk bangsa dan budaya negara ini. Hal ini menunjukkan bahawa tanggungjawab untuk menggunakan bahasa Melayu yang betul bukan hanya terletak pada bacaan buku ilmiah sahaja, malah seni digital seperti filem dan drama bersiri turut memainkan peranan.

Berdasarkan pernyataan masalah yang telah dinyatakan, pengarah filem atau drama bersiri seharusnya memandang tinggi penggunaan bahasa Melayu yang tepat di dalam filem atau drama bersiri yang ingin dilaksanakan bagi membantu dalam peningkatan martabat bahasa Melayu di negara kita. Melalui filem atau drama bersiri juga, masyarakat yang menggunakan bahasa Melayu dapat melihat penggunaan bahasa Melayu yang betul dan mengikut contoh yang ditonton.

### III. BATASAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan terhadap kerancuan bahasa dalam filem "KL Gangster" yang diterbitkan pada tahun 2011 di bawah arahan Syamsul Yusof. Oleh itu, bahasa-bahasa tersebut sering dipertuturkan oleh sekumpulan penutur tertentu seperti golongan muda sahaja. Fenomena kerancuan bahasa yang dikaji adalah ketika dialog yang diucapkan oleh para pelakon KL Gangster. Kajian ini memberi penumpuan kepada jenis-jenis kerancuan bahasa terhadap kosa kata dan ragam ayat dalam filem dan kekerapan penggunaan

kerancuan bahasa yang digunakan dalam ayat aktif dan pasif dengan fasih dan spontan dalam filem KL Gangster. Kajian ini dilaksanakan terhadap filem genre aksi jenayah. Kajian ini terbatas kepada rakaman filem dan teks skrip yang digunakan dalam filem. Filem ini dikaji dari awal sehingga pengakhiran cerita yang berdurasi selama satu jam lima belas minit. Setiap perkataan kerancuan bahasa yang dituturkan oleh pelakon akan dicatat dalam proses untuk memperoleh dan mengumpul data mengenai penggunaan kerancuan bahasa dalam filem. Pengkaji mendapati bahawa filem "KL Gangster" mempunyai banyak penggunaan kerancuan bahasa.

### IV. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa objektif, iaitu:

- i) Menggunakan kosa kata dan ragam ayat dalam filem KL Gangster.
- ii) Menggunakan ayat aktif dan pasif dengan fasih dan spontan dalam filem KL Gangster.

### V. PERSOALAN KAJIAN

Bagi mencapai objektif kajian, persoalan kajian dibentuk seperti yang berikut:

- i) Apakah kosa kata dan ragam ayat yang terdapat dalam bahasa Melayu dalam filem "KL Gangster"?
- ii) Adakah terdapat ayat aktif dan pasif dengan fasih dan spontan yang timbul akibat daripada kerancuan bahasa dalam filem "KL Gangster"?

### VI. KEPENTINGAN KAJIAN

Berdasarkan analisis yang telah dapat dilihat daripada penghasilan hasil kajian ini, pengkaji meletakkan harapan bagi kajian ilmiah ini mempunyai kemampuan untuk memberi manfaat kepada para pembacanya. Terdapat beberapa kepentingan yang diharapkan boleh memberi suatu bentuk pemahaman bagi pembaca kajian ini. Antaranya ialah:

- i) Kajian ini menerangkan secara jelas mengenai kerancuan bahasa Melayu yang terdapat dalam filem KL Gangster.
- ii) Pembaca kajian ini diharapkan boleh memahami mengenai kerancuan bahasa yang merupakan suatu fenomena bahasa yang berlaku secara berleluasa dan mengambil tindakan untuk menggunakan bahasa Melayu dengan tepat dan mengikut piawaian berbahasa yang telah digariskan.
- iii) Pengkaji juga berharap pembaca kajian ini memahami penggunaan bahasa yang betul dalam filem atau drama bersiri dapat mempengaruhi penonton. Setakat kajian yang dilakukan oleh pengkaji didapati bahawa kewujudan gejala

kerancuan bahasa dalam filem belum pernah lagi dilaksanakan. Maka, kajian ini diharapkan dapat membantu para pengkaji pada masa akan datang yang berminat untuk membuat kajian mengenai kerancuan bahasa Melayu.

## VII. DEFINISI OPERASIONAL

Antara definisi konsep yang pengkaji gunakan bagi melaksanakan penyelidikan ini adalah kerancuan bahasa, filem dan filem KL Gangster.

### **Kerancuan Bahasa**

Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua (2016), kata rancu merupakan kata adjektif yang bermakna bercampur aduk; iaitu kacau (berkenaan bahasa) atau mencampuradukkan. Kata rancu juga bersinonim dengan bercampur baur. Dalam istilah Majlis Bahasa Brunei-Indonesia-Malaysia (MABBIM), perkataan rancu digunakan dalam bidang kesusasteraan dalam frasa yang disebut sebagai kiasan rancu.

### **Filem**

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2005), filem bermaksud gambar bergerak yang ditayangkan pada layar, biasanya di pawagam, wayang gambar. Dokumentari filem yang memaparkan kisah sebenar tentang sesuatu perkara. Filem adalah satu media yang popular di negara ini. Menurut Anisah Sarji et al. (1996), filem diertikan sebagai imej yang terhasil dalam bentuk visual bergerak yang mengandungi unsur-unsur penceritaan yang ditulis, diolah dalam bentuk dialog, visual dan bunyi, yang kemudiannya dirakamkan menggunakan kamera, diolah dengan menggunakan berbagai-bagai kepentingan dan matlamat untuk dipamerkan secara tayangan di panggung-panggung wayang dan televisyen.

Selain itu, menurut Naim Haji Ahmad (2010), filem juga boleh diertikan sebagai hasil garapan pelbagai seni yang memaparkan cerita dan cermin kepada budaya masyarakat tertentu; pemikiran dan cetusan perasaan pembikinannya; sebuah cerita tentang kehidupan yang tidak terbatas kepada manusia sahaja, sama ada cerita itu benar, khayalan atau cerita yang telah diubah suai atau dipadankan; dan kesatuan bingkai-bingkai yang telah digarap secara harmoni menjadi syot, kesatuan syot-syot menjadi jujuk, kesatuan jujuk menjadi babak dan seterusnya kesatuan babak-babak menjadi sebuah teks atau cerita.

### **Filem KL Gangster**

KL Gangster merupakan sebuah filem padat dengan aksi arahan daripada Syamsul Yusof, Skop Productions Sdn Bhd yang telah ditayangkan di pawagam pada 9 Jun 2011. Filem ini dilakonkan oleh Aaron Aziz, Syamsul Yusof, Zizan Razak, Adi Putra, Sofi Jikan, Sheera Iskandar dan Ridzuan Hashim. Karya terbaharu Syamsul bersama sepupunya, Rizal Ashraf dan Datuk Yusof Haslam ini mengisahkan kehidupan seorang samseng yang tersepit di antara permasalahan keluarga dan dunia gangster. Pembikinan filem KL Gangster telah menelan belanja sebanyak RM1.8

juta termasuk kos promosi.


Filem ini telah mencatatkan hasil kutipan RM 10 juta di pawagam- pawagam tempatan. Filem ini mengisahkan dua adik-beradik yang telah terjebak di dalam dunia gangster, seorang bernama Malek sebagai abang dan Jai sebagai adik. Malek telah dipenjarakan selama 5 tahun akibat dikhianati oleh kumpulannya sendiri yang didalangi oleh Shark, anak tiri kepada King, iaitu ketua kongsi gelap yang paling berpengaruh di Kuala Lumpur. Setelah lima tahun, Malek telah dibebaskan dan dia ingin mengubah nasib kehidupan serta menjauhkan diri daripada kehidupan hitam sebagai ahli kongsi gelap.

## VIII. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan suatu kajian kualitatif. Kaedah pengumpulan data yang digunakan oleh pengkaji ialah pemerhatian secara menonton filem KL Gangster, memasukkan data ke dalam senarai semak dan mencatat data-data yang diperoleh.

## IX. KERANGKA KONSEPTUAL

Rajah 1 di bawah menunjukkan kerangka konseptual bagi kajian kerancuan bahasa dalam filem KL Gangster: suatu analisis linguistik berdasarkan tahap 4 kemahiran bertutur KSBM.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian

## X. DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membincangkan dapatan hasil kajian yang ingin dicapai. Dalam bahagian dapatan kajian ini, pengkaji mendapati bahawa terdapat banyak penggunaan kerancuan

bahasa dalam filem “KL Gangster” Penggunaan kerancuan bahasa yang didapati dikategorikan mengikut jenis kerancuan yang telah dipelopori oleh Teo Kok Seong (2006), iaitu a) kerancuan jenis tempelan, b) kerancuan dalam ayat, c) kerancuan di antara ayat dan d) penukaran kod dalam perkataan bagi mengenal pasti penggunaan kosa kata dan ragam ayat yang sesuai dalam filem “KL Gangster”. Daripada jenis-jenis kerancuan yang didapati, pengkaji juga memperoleh data bagi objektif kedua kajian dengan menganalisis penggunaan ayat aktif dan pasif dengan fasih dan spontan hasil daripada kerancuan bahasa yang muncul dalam filem “KL Gangster”.

### XI. JENIS KERANCUAN BAHASA

Kajian ini dilaksanakan menggunakan filem “KL Gangster” sebagai instrumen kajian bagi mendapatkan data. Jenis-jenis kerancuan bahasa Melayu yang terdapat dalam filem tersebut dikategorikan menggunakan teori yang diperkenalkan oleh Teo Kok Seong (2006). Namun, pengkaji mendapati terdapat jenis kerancuan lain yang boleh ditambah lagi bagi mengukuhkan lagi teori tersebut.

#### Kerancuan Jenis Tempelan

Hasil kajian mendapati terdapat 8 ayat penggunaan kerancuan yang berbentuk tempelan dalam filem “KL Gangster”. Kerancuan jenis tempelan ini melibatkan penggunaan campur aduk bahasa Melayu dengan bahasa lain. Penggunaan bahasa asing atau bahasa lain yang digunakan dalam ungkapan adalah sepatah dan (hampir) keseluruhan ungkapan itu dituturkan dalam bahasa Melayu. Kebiasaannya, kerancuan berbentuk tempelan terjadi sama ada pada awal ataupun akhir sesuatu ayat. Berikut merupakan kerancuan bahasa Melayu jenis tempelan yang terdapat dalam filem “KL Gangster”.

JADUAL 1: KERANCUAN JENIS TEMPELAN

Bil.	Dialog	Babak
1.	“School fitness, kepala otak kau, huh. Kau pun makin besar nampak.”	2
2.	Sorry to say bro, dah macam rosak gua tengok dia. Tinggallah mak lu sorang-sorang dekat rumah.	11
3.	Wow, wow, wow, wow. Bro, sorry. Jangan sepak-sepak macam tu. Cakap elok elok la.	14
4.	Sorry lah King, aku dah cuci tangan.	17
5.	Okay fine. Benda ni boleh settle. Kau jangan kacau bisnes aku.	19

	Malik: Lu tak nak gua kacau bisnes lu. lu jangan bagi adik gua datang sini lagi. Apa macam? Boleh?	
6.	Guys. Itu belum Abang Long Dil lagi. Kalau Abang Long Dil, dah arwah dia ni.	19
7.	Hey taiko! Jangan ini macam taiko. Dia tak sengaja.	27
8.	Gua tau macam mana mahu handle.	29

#### Kerancuan Jenis Dalam Ayat

Hasil kajian ini menemui 14 ayat dalam penggunaan kerancuan bahasa yang berbentuk dalam ayat dalam instrumen kajian iaitu filem “KL Gangster”. Kerancuan jenis dalam ayat ini dilihat dari segi aspek terdapatnya penukaran bahasa Melayu ke suatu bahasa lain yang berlaku dalam ayat yang sama. Lazimnya penukaran bahasa yang berlaku adalah dalam bentuk frasa. Berikut merupakan kerancuan bahasa Melayu jenis dalam ayat yang dijumpai dalam filem “KL Gangster”.

JADUAL 2: KERANCUAN DALAM AYAT

Bil.	Dialog	Babak
1.	“Apa macam? Cuti Panjang? Best? Huh?”	2
2.	“Waa, Ajiib, dia main hidung gua. Dia memang cari pasal. Okay guys, gua gerak dulu. Hahahaha. Pakai seatbelt, pakai seatbelt. Nanti kena saman aku tak larat nak bayar.”	2
3.	“Kutu mana? Takkan kau tak boleh settle? Hal kecil macam ni pun aku nak tunj juga ke?”	3
4.	“Hayya, lu orang jangan kacau gua punya business ma. Lu cari tempat lain la kawan.”	3
5.	“Gua mau lu deal sama kitorang, faham?”	4
6.	“Hahaha, bro wake up, bro! Malaysiakan negara maju.”	5
7.	“Tony, ah? Taiko tai, Sekarang lu masuk area gua ma. King punya kawasan tau. Lu sudah parking lu punya business sini sudah cukup baik. Apa lagi lu mau? Tak cukup ka?”	6
8.	“Sorry King. Gua sudah tak mau bikin business sama lu. Gua sudah deal sama orang lain.”	6
9.	“Ada gua kisah? Bukan gua punya hal ma. Dia sendiri bagi bangsat sama dia punya customer. Dia sendiri jawablah.”	7
10.	“Aku tanya korang? Eh? Kau tau berapa kaya cina bukit tu? Kalau setakat duit ni aku ambil, tak miskin tau. Nak harapkan duit dia bagi korang semua makan pasir, makan lumut. Aku nak makan fish and chip.”	7
11.	“Dragon, makin handsome ah? Hati senang ah?”	13
12.	“Eh Malik. Kita dah lama kawan. Apa macam? Bila kau nak join aku?”	17
13.	“Lepas ni brother faham-faham je lah. Nampak ja muka gua, no entrance charge, awek dua, cun?”	19
14.	“Selesa kau cakap? Huh! Hey! You, gua, Dragon. Karaoke 5 Star, perempuan, baru lah selesa. Sayur ni lu jual? Sayur kita jual satu kilo tiga empat ribu bro. Ini satu kilo tiga ringgit lu mahu jual ah?”	27

#### Kerancuan di Antara Ayat

Terdapat beberapa kali saja penggunaan kerancuan bahasa di antara ayat dalam filem “KL Gangster”. Kerancuan bahasa yang terjadi di antara ayat ini berlaku apabila terdapatnya penukaran dari bahasa Melayu ke bahasa lain yang terjadi di antara ayat. Berikut adalah kerancuan di antara ayat yang terdapat dalam filem “KL Gangster”.

JADUAL 3: KERANCUAN DI ANTARA AYAT

Bil.	Dialog	Babak
1.	"Hohohohoo. Jib! Guys! Come to papa, come to papa...ssss... Oh my God, bro. What's up bro? What's up bro? Ada orang kacau, ada orang kacau lu kat dalam? Huh! Bagitahu gua biar gua belalah. Lu macam masuk school fitness, ini penjara la bro."	2
2.	"Tak payah. Biar Dragon take over. Itu bukan tempat kita lagi. Jangan pasal kau anak tiri aku, kau nak buat suka hati kau. Apa-apa kau nak buat kau bincang dulu dengan aku kalau kau nak stay lama dalam line ni."	9
3.	"Dah lah, macam ni, macam ni. Lepas ni apa yang kita nak buat kita cover line sikit."	10
4.	"Apa yang kau busy sangat fikir pasal si Malik? Dia bukan nak join kita. Dia nak jadi baik bro. Eh pergi mampus lah nak jadi baik."	33
5.	"Kalau kau nak tarik Jai keluar daripada group tu pun, kau fikir Shark nak tengok je ke?"	35

### Kerancuan Dalam Perkataan

Pengkaji menemui beberapa saja penggunaan kerancuan bahasa dalam perkataan yang terdapat dalam filem "KL Gangster". Jenis kerancuan ini berlaku apabila terlihatnya hadir penggunaan bahasa lain dalam pembentukan bahasa Melayu. Berikut adalah kerancuan dalam perkataan yang terdapat dalam filem "KL Gangster".

JADUAL 4: KERANCUAN DALAM PERKATAAN

Bil.	Dialog	Babak
1.	"Apa lu mau sekarang? Come fight la?"	6
2.	"Haih, banyak duit. Confirmlah Dragon kau sebat ni."	7
3.	"Kau tak puas hati dengan Malik pun, kau jangan libatkan mak dia. Kau settlekan dengan dia."	37

### XII. PENGGUNAAN AYAT AKTIF DAN PASIF

Jadual 5 dan 6 di bawah menunjukkan penggunaan ayat aktif dan ayat pasif dengan fasih dan spontan yang terdapat dalam filem KL Gangster.

JADUAL 5: PENGGUNAAN AYAT AKTIF DENGAN FASIH DAN SPONTAN

Bil	Ayat Aktif	Babak
1.	"Seorang yang sangat ekstrimis melakukan sesuatu tanpa berfikir panjang untuk mendapatkan wang."	1
2.	"Aku dan King yang menajikkan kumpulan ini sehingga kumpulan ini amat digeruni kumpulan lain tetapi segalanya berubah."	1
3.	"Manusia sanggup melakukan apa sahaja untuk kuasa dan wang walaupun terpaksa menikam darah daging sendiri dan hari ini, hari yang aku tunggu."	1
4.	"Shark masih berbulu dengan kau. Kau ambil customer dia."	7
5.	"Eh gua abang long lu bro, takkan gua nak lu merempat tepi jalan. Mesti gua tolong lu. Gua abang yang bertanggungjawab."	11
6.	"Dia berniaga di sini sampai malam."	12
7.	"Lu menyalak sangat kuat. Serupa anjing. Lu tau ka?"	13
7.	"Gua pun dah dua bulan merempat bro."	17
8.	"Shark dah mengamuk macam orang gila la Jai."	39

JADUAL 6: PENGGUNAAN AYAT PASIF DENGAN FASIH DAN

### SPONTAN

Bil	Ayat Pasif	Babak
1.	"Aku disabit bersalah kerana melakukan rompakan bersenjata dan aku tahu ini dirancang oleh Shark untuk menjatuhkan aku tanpa pengetahuan King."	1
2.	"Seorang yang gila kuasa dan disebabkan dia, aku di sini. 5 tahun, 5 tahun aku meringkuk di dalam penjara."	1
3.	"Hari aku dibebaskan. Bebas dari segala-galanya."	1
4.	"Mak dah tak tahan lagi dihina, dicaci oleh orang kampung ni."	12

### XIII. IMPLIKASI DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini adalah perbincangan mengenai implikasi berdasarkan perbincangan dapatan kajian sebelum ini. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan terhadap filem KL gangster didapati bahawa terdapat kosa kata dan ragam ayat yang melibatkan kerancuan bahasa di dalam beberapa babak filem. Di samping itu, penggunaan ayat aktif dan ayat pasif dengan fasih dan spontan turut dituturkan dalam dialog oleh para pelakon sebagai penutur di dalam filem tersebut. Secara kesimpulannya, penutur tidak mampu menggunakan kosa kata dan ragam ayat yang sesuai dalam sesuatu perbualan sehingga mengakibatkan kerancuan bahasa terjadi. Oleh itu, dalam mendapatkan data-data yang dikumpul pengkaji telah menggunakan panduan dari [ada Kerangka Standard Bahasa Melayu Kemahiran Bertutur Tahap 4 Aras 4 bagi mengukur tahap kerancuan bahasa di samping teori daripada Teo Kok Siong (2006).

### XIV. CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Pengkaji mendapati terdapatnya beberapa perkara yang boleh dijadikan cadangan bagi para pelajar dan pengkaji akan datang bagi melaksanakan kajian seperti ini untuk memantapkan lagi teori kerancuan bahasa Melayu dan menyebarkan ilmu penggunaan bahasa Melayu yang mengikut piawaian. Pengkaji akan datang yang ingin melaksanakan kajian mengenai kerancuan bahasa Melayu boleh memperkembangkan lagi aspek kajian terutamanya dari aspek kekeliruan penggunaan dan makna yang melibatkan kerancuan bahasa Melayu. Hal ini kerana, pengkaji mendapati bahawa kerancuan bahasa boleh dikembangkan lagi melalui beberapa aspek iaitu dari segi bentuk atau jenis kerancuannya. Kerancuan bahasa bukan hanya melibatkan penukaran kod, malahan apa-apa jenis penggunaan bahasa yang tidak mengikut piawaian yang digunakan dalam ayat bahasa Melayu boleh dianggap sebagai kerancuan.

Terdapat juga perkara yang boleh dikaji dengan lebih lanjut mengenai kerancuan bahasa Melayu iaitu penggunaan bahasa Melayu dalam bahasa lain. Hal tersebut boleh dikaji dari aspek kekeliruan makna yang berlaku dan juga penyerapan bahasa Melayu ke dalam bahasa lain. Meskipun penutur bahasa Melayu tidak seramai penutur yang menggunakan bahasa Inggeris, namun ada golongan yang memasukkan bahasa Melayu ke dalam ayat bahasa lain. Kekeliruan makna disebabkan kerancuan kod bukan hanya melibatkan penggunaan bahasa asing, namun penggunaan bahasa slanga dan dialek juga dilihat boleh menyebabkan kekeliruan makna. Para penyelidik dan pengkaji akan datang memainkan peranan yang penting bagi membantu mengembangkan aspek kerancuan bahasa Melayu.

## XV. KESIMPULAN

Kajian ini juga telah memenuhi objektif kajian dan menjawab persoalan kajian. Dapatan kajian menunjukkan kerancuan bahasa boleh dilihat dalam aspek kosa kata dan ragam ayat dalam ayat aktif dan ayat pasif yang telah digunakan dalam filem ini. Pengkaji berharap agar kajian ini dapat membantu pengkaji lain untuk melaksanakan kajian kerancuan bahasa dalam filem secara lebih terperinci lagi di negara ini. Kajian ini juga telah menunjukkan salah satu tahap variasi bahasa dalam pembuatan filem tempatan, iaitu filem KL Gangster. Tambahan lagi, kerancuan bahasa dalam filem ini sudah menjadi satu trend komunikasi yang popular untuk disesuaikan dengan watak-watak gangster tersebut. Oleh sebab itulah, kerancuan bahasa juga sering dikatakan boleh merosakkan bahasa Melayu kerana setiap penggunaan bahasa Melayu telah dicampuradukkan dengan bahasa lain sehingga boleh mencemarkan kemurnian bahasa Melayu itu sendiri. Namun, pengkaji turut berpendapat bahawa kerancuan bahasa perlu ada dalam pembuatan filem yang bergenre aksi ini supaya lebih menarik minat penonton.

## RUJUKAN

- Abdullah Hassan, (2006). Morfologi. Kuala Lumpur: PTS Professional Publication.
- Ahmad Khair Mohd Nor, (2008). Pengantar Sintaksis Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Anisah Sarji et. al. (1996). Pola Pengamalan Profesionalisme dalam Industri Filem Malaysia. Kuala Lumpur: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), Hlm.5.
- Asmah, H. O. (1982). *Language and Society in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azlinda, A. R. (2016). *Bahasa Melayu: Antara Peluasan, Penyempitan dan Kecelaruan*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Bryman, A. (2008). *Social research methods. 3rd Edition*. New York: Oxford University Press.
- Carol, M.-S. (1993). *Social Motivations for Codeswitching: Evidence from Africa*. Clarendon Press.
- Fuziah Kartini, H. B. (2007). Malaysian Film Censorship Board (LPF) in the Globalization Era: Towards Transformation and Innovation.
- J, C. (2009). *Research design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches (3rd ed.)*. Carlifonia: Thousand Oaks.
- John Crawford, C. (2009). *Information Literacy in the Workplace: A Qualitative Exploratory Study*. Journal of Librarianship and Information Science.
- Kachru, B. B. (1978). *Linguistic Schizophrenia and Language Census: A Note On The Indian Situation*. 17-31.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Pelajar Edisi Kedua*. (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mansor Puteh, (1995). Kritikan filem. Kuala Lumpur: Zan Corporate Communications.
- Marasigan, E. (1983). Code-switching and Code-mixing in Multilingual Societies.
- Naim Haji Ahmad. (2010). *Ke Arah Membentuk Definisi dan Konsep Filem Islam* (Kertas Persidangan Bengkel Fiqh Penyiaran di Institusi Latihan Islam Malaysia, 6 Jun 2010), Hlm.1.
- Nik Safiah Karim et al., (2015). Kamus Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, F. M. (2016). *Tatabahasa Dewan Edisi Sekolah Menengah Jilid 2*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah, H. K. (1986). Ke Arah Penguasaan dan Penghayatan Bahasa Melayu Tinggi: Matlamat Pengajaran Bahasa dan Sastera Kini. In H. K. Nik Safiah, *Bahasa Melayu Tinggi: Teori dan Penerapan*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia dengan Kerjasama Nurin Enterprise.
- Nor Marinee, b. M. (2013). *Kerancuan Bahasa Melayu di kalangan Murid-murid*. Ayer Keroh, Melaka.
- Pascasio, E. (1978). Dynamic of Code Switching in the Business Domain. *Phillipine Journal of Linguistics*.
- Robson, C. (2011). *Qualitative Research Methods in Psychology*. InTech.
- Sert, O. (2005). The Functions of Code Switching in ELT Classrooms. *The Internet TESL Journal*.
- Siti Rahimah, R. M. (2014). *Kekeliruan Jati Diri Punca Bahasa Bercampur Aduk*. Selangor: Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Teo, K. S. (2006). Kerancuan Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa (volume 6)*, 697-712.